

Hubungan Status Ras/Etnik Dengan Konsep Kendiri

Nurzaira Azreena Bt. Rahamat

Dari segi pentafsiran sosialnya, ras didefinisikan atas ciri-ciri fizikal manakala etnik pula ditakrif berasaskan ukuran kebudayaan. Namun begitu, kedua-dua istilah ras dan etnik ini sering dicampuradukkan penggunaannya sehingga maknanya menjadi lebih kurang sama.

Menurut Ting (1987), kumpulan ras adalah kelompok manusia yang mempunyai persamaan dari segi sifat-sifat fizikal seperti warna kulit, bentuk kepala, hidung, telinga, mata dan bibir. Dalam kebanyakan ciri, warna kulit adalah ciri yang paling jelas dan sering digunakan untuk membezakan kumpulan manusia. Di Amerika Syarikat misalnya penduduknya dibahagikan kepada orang kulit putih, kulit hitam dan sebagainya.

Istilah etnik pula berasal daripada perkataan Yunani iaitu *ethnos* yang bermakna orang. Etnisiti (*ethnicity*) adalah rasa kekitaan sesuatu kumpulan etnik tertentu di mana wujudnya satu kebudayaan yang jelas di mana anggotanya berasa disatukan dengan satu sejarah, nilai, sikap dan tingkah laku yang sama. Kumpulan-kumpulan etnik berbeza dari aspek budayanya seperti adat resam, pola keluarga, tingkah laku seks, pandangan tentang kecantikan, pakaian, orientasi politik, kegiatan ekonomi dan pola hiburan.

Kumpulan etnik pada dasarnya bersikap etnosentrik iaitu menganggap ciri-ciri budayanya sebagai wajar, betul dan lebih superior daripada kebudayaan kumpulan lain. Kebudayaan kumpulan lain sering dipandang rendah, dianggap ganjil, inferior atau tidak bermoral.

Dalam laporan tugas ini, isu yang cuba dikupas adalah berkenaan hubungan atau perkaitan antara status ras/etnik seseorang dengan pembentukan konsep kendirinya. Hubungan antara status ras/etnik dengan konsep kendiri ini dikatakan bergantung kepada beberapa pemboleh ubah (*variables*) seperti: (a) struktur keluarga dan pengaruh daripada ibu bapa, (b) kesan rasisme dan pandangan stereotaip (internalisasi stigma), (c) stigma sebagai alat 'perlindungan diri' serta pengaruh kelompok rujukan (d) identiti ras/etnik dan juga (e) perbezaan budaya antara kaum. Di samping itu, faktor-faktor sampingan seperti kohort (*cohort*) kelahiran, perbezaan jantina, wilayah kependudukan serta jenis instrumen

pengukuran estimasi diri turut memberi kesan kepada perbezaan konsep diri antara sesuatu ras/etnik.

Status yang dimaksudkan di sini ialah kedudukan sosial seseorang dalam sesuatu sistem sosial (Ting, 1997). Kedudukan sosial dalam sesuatu masyarakat biasanya diukur dari segi superioriti (yang lebih tinggi) atau inferioriti (yang lebih rendah). Maka perbezaan status antara ras/etnik ini dilihat dari aspek kedudukan kumpulan minoriti dan kumpulan dominan di mana kumpulan minoriti adalah kumpulan yang inferior atau subordinat manakala kumpulan dominan adalah kumpulan yang superior atau superordinat.

Laporan tugas ini pula hanya akan memfokuskan kepada perbezaan konsep diri antara orang kulit putih (*White Americans*) sebagai kumpulan dominan dengan orang kulit hitam (*Black Americans*) sebagai kumpulan minoriti. Ini disebabkan banyak konsep dan teori hubungan ras sebenarnya berasal dari Amerika Syarikat dan Amerika Syarikat adalah salah satu negara yang serius mengalami masalah tersebut yang banyak berkisar tentang hubungan kulit putih-kulit hitam. Isu lain yang akan disentuh adalah berkenaan dengan kesan proses integrasi dan segregasi/pengasingan kaum ke atas pembentukan konsep diri